



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

BAGI

PERKHIDMATAN SEMBURAN LARVASIDING (LVD) DAN SEMBURAN RUANG TERMAL (SRT) UNTUK PENCEGAHAN DAN KAWALAN DEMAM DENGGI DAN DEMAM DENGGI BERDARAH BAGI TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN DI KAWASAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP) 13 – 24, DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/6/757
TARIKH BUKA	28 SEPTEMBER 2026
TARIKH TUTUP	12 OKTOBER 2026
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR D.E.
www.mbsj.gov.my

PERKHIDMATAN SEMBURAN LARVASIDING (LVD) DAN SEMBURAN RUANG TERMAL (SRT) UNTUK PENCEGAHAN DAN KAWALAN DEMAM DENGGI DAN DEMAM DENGGI BERDARAH BAGI TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN DI KAWASAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP) 13 – 24, DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB.400-5/6/757

BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS 1 – SS 4
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	BORANG PENGISTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL – LAMPIRAN 12	BP 1
D	SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA – LAMPIRAN 13	SAS 1
E	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP 1 – AKP 16
F	BORANG SEBUT HARGA	BS 1 – BS 2
G	<i>PREAMBLES</i>	P 1
H	JADUAL KADAR HARGA	JKH 1 – JKH 2
J	SPESIFIKASI / PENENTUAN PERKHIDMATAN	PP 1 – PP 7
K	TERMA BAYARAN	TB 1
L	KADAR DENDA / PENALTI	KDP 1 – KDP 2
M	MAKLUMAT PETENDER	MP 1 – MP 12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN SEBUT HARGA

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen sebut harga kami semasa mengemukakan sebut harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang disebut harga semasa penilaian sebut harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang di sebut harga. Justeru itu sebut harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada Jawatankuasa Sebut Harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang disebut harga, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum sebut harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan di dalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **sebut harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER (KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan

/

 Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Sila tandakan

x

 Bagi Dokumen-dokumen Yang Tidak Disertakan atau Tidak Berkaitan.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	<u>Petender adalah diwajibkan mengemukakan sekurang-kurangnya satu dari perkara-perkara berikut :</u> a) Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Sebut harga bagi bulan Jun, Julai, Ogos atau September tahun 2026 (Penyata bank tersebut hendaklah disahkan oleh pihak bank yang mengemukakan penyata tersebut) atau; b) Jumlah simpanan yang terdiri daripada deposit tetap, Amanah Saham, Tabung Haji (bagi perniagaan jenis milikan tunggal) (jika berkaitan) atau; c) Baki nilai kemudahan kredit (jika berkaitan) dengan pengesahan daripada institusi kewangan atau; d) Nilai kemudahan kredit tambahan yang layak/akan diperolehi dengan pengesahan daripada bank atau institusi kewangan (jika berkaitan) atau; e) Sebarang salinan dokumen/surat pengesahan sebagai bukti kepada bayaran dijangka, kemudahan pinjaman dari bank, overdraf, kemudahan kredit dari pembekal dan lain-lain yang terkini dan disahkan atau f) Salinan akaun yang diaudit oleh Akauntan bertaualiah bagi 3 (tiga) tahun kewangan terakhir yang telah di sahkan oleh Akauntan bertaualiah tersebut bagi Syarikat Sdn Bhd sahaja; Penyata bank diatas TELAH DISAHKAN OLEH PIHAK BANK yang mengeluarkan penyata tersebut (penyata yang tidak disahkan akan mengakibatkan sebut harga tuan tidak akan dipertimbangkan semasa penilaian sebut harga dibuat)	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
2	Borang Sebut Harga lengkap diisi (termasuk nilai) dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐
3	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib).	☐	☐
4	Salinan Borang D atau Borang E bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. atau: Salinan Borang Teras (‘Super Form’) bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. (Wajib)	☐	☐
5	Borang pengistiharan Pemunya Benefisial (BO) (Lampiran 12) berdasarkan Akta Syarikat (Pindaan) 2024 (Akta A 1701) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah siap diisi dan ditandatangani (Wajib)	☐	☐
6	Surat Akuan Syarikat dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa (Lampiran 13) yang telah siap diisi dan ditandatangani (Wajib)	☐	☐
7	Salinan sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate (TCC)) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun kalendar semasa dan berstatus ‘PATUH’ - sila rujuk Garis Panduan Operasi Bil 1. Tahun 2025 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di lampiran kepada Arahan Kepada Petender (Wajib)	☐	☐
8	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). (Wajib)	☐	☐
9	Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
10	Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/ keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain seperti (untuk mana-mana sekiranya berkaitan) : i) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan ii) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan iii) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) yang telah DISAHKAN dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat. iv) Salinan sijil-sijil kursus/ seminar/ latihan	☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐
11	Lain-lain (Sila nyatakan): i) _____ ii) _____ iii) _____	☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐
PENGESAHAN OLEH SYARIKAT: Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar. Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :		UNTUK KEGUNAAN JABATAN: Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada) Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :	

* Sila potong mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA (LAMPIRAN 6)

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

PERKHIDMATAN SEMBURAN LARVASIDING (LVD) DAN SEMBURAN RUANG TERMAL (SRT) UNTUK PENCEGAHAN DAN KAWALAN DEMAM DENGGI DAN DEMAM DENGGI BERDARAH BAGI TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN DI KAWASAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP) 13 – 24, DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB.400-5/6/757

Saya, (Nama Wakil Syarikat)
No. Kad Pengenalan yang mewakili
..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Majlis Bandaraya Subang Jaya** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan

2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau

3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan:

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

(i) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.

(ii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

**BORANG PENGISYTIHARAN
PEMUNYA BENEFISIAL
(LAMPIRAN 12)**

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

PERKHIDMATAN SEMBURAN LARVASIDING (LVD) DAN SEMBURAN RUANG TERMAL (SRT) UNTUK PENCEGAHAN DAN KAWALAN DEMAM DENGGI DAN DEMAM DENGGI BERDARAH BAGI TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN DI KAWASAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP) 13 – 24, DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB.400-5/6/757

☐ Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah menyerahkan simpan maklumat pemunyaan benefisial di SSM

☐ Berdaftar dengan SSM dan tidak menyerahkan simpan maklumat pemunya benefisial di SSM (Syarikat enterprise)(perlu menghantar borang tanpa diisi)

☐ Tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)

Tandakan ☐

Nama Syarikat:

Butiran Pemunya Benefisial:

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Jawatan dalam syarikat (sekiranya ada)	Kewarganegaraan

Saya.....nombor kad pengenalan / no.pasport yang mewakili syarikat/perniagaan nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengesahkan bahawa senarai pemunya benefisial syarikat seperti mana pemberitahuan dalam borang ini adalah sama dengan maklumat yang diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berdasarkan Akta Syarikat 2016 [Akta777] dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Yang Benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

*** Potong yang mana tidak berkenaan**



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM
MENANGANI PERMERDAGANGAN ORANG
DAN BURUH PAKSA (LAMPIRAN 13)**

SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH

PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

PERKHIDMATAN SEMBURAN LARVASIDING (LVD) DAN SEMBURAN RUANG TERMAL (SRT) UNTUK PENCEGAHAN DAN KAWALAN DEMAM DENGGI DAN DEMAM DENGGI BERDARAH BAGI TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN DI KAWASAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP) 13 – 24, DALAM PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB.400-5/6/757

Saya, (Nama Wakil Syarikat) No.
Kad Pengenalan yang mewakili
.....(Nama Syarikat)
nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;

ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi;

dan

iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

ARAHAN KEPADA PETENDER



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

BORANG SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

PERKHIDMATAN SEMBURAN LARVASIDING (LVD) DAN SEMBURAN RUANG TERMAL (SRT) UNTUK PENCEGAHAN DAN KAWALAN DEMAM DENGGI DAN DEMAM DENGGI BERDARAH BAGI TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN DI KAWASAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP) 13 – 24, DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

Kepada :
Datuk Bandar,
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan Jadual Kadar Harga serta penentuan perkhidmatan, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan kadar tawaran diskaun sebanyak*.....% (.....) peratus daripada kadar harga sepertimana di dalam Jadual Kadar Harga di dalam dokumen sebut harga ini.

Nota: *.....Isikan kepada dua titik perpuluhan (Cth: 15.50)

Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa nilai anggaran kerja keseluruhan perolehan ini adalah dijangka dalam lingkungan **RM41,150.00 sebulan** dan tertakluk kepada setiap arahan kerja yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa atau Wakil P.P. di mana dan apabila perlu dijalankan.

Saya/Kami bersetuju bahawa jumlah harga kumulatif bagi keseluruhan tempoh perjanjian ini berkuatkuasa selama dua belas (12) bulan tertakluk kepada kelulusan pihak Majlis tidak melebihi **RM493,800.00 (Ringgit Malaysia : Empat Ratus Sembilan Puluh Tiga Ribu Lapan Ratus sahaja)** melainkan terdapat apa-apa arahan tambahan dari Pegawai Penguasa yang disifatkannya sesuai.

Saya/Kami bersetuju yang sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau perjanjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

Saya/Kami bersetuju sebut harga ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Saya/Kami bersetuju menyerahkan **Bon Pelaksanaan** dan ia hendaklah meliputi keseleruhan tempoh kontrak dengan memilih dalam bentuk sama ada:

- Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau
- Jaminan Syarikat Kewangan atau
- Jaminan Insurans /Takaful

Petender akan **menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian** sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk **Jadual Fi Bayaran di Perkara 21.0 dalam Arahan Kepada Petender**.

Bertarikh..... haribulan..... 2026

.....
(Tandatangan Petender)

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :.....
Alamat :
.....
No. Telefon :
Atas Sifat :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :.....
Alamat :
.....
No. Telefon :

.....
(Meterai atau Cap Petender)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

PREAMBLES

BIL	HURAIAN
	<u>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</u>
A	Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama dengan Jadual Kadar Harga yang dinyatakan di dalamnya.
B	Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan Dokumen Sebut Harga ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua kerja mengikut arahan dan penentuan perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan. Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat permasalahan di tapak.
C	Setiap pekerja atau mana-mana individu berkait dengan petender adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti baju berlengan panjang, seluar panjang, respirator, pelindung telinga, sarung tangan keselamatan, cermin mata keselamatan dan lain-lain peralatan keselamatan yang perlu selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian, laporan kepada pihak berkuasa yang berkaitan akan dibuat untuk tindakan mengikut Akta Keselamatan Pekerja bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu tersebut.
D	Semua senarai kuantiti di dalam Sebut harga ini adalah berdasarkan kadar upah buruh, kadar sewa jentera, kos harga bahan dan juga kos pengurusan (<i>overhead</i>) serta keuntungan.
	<u>BAYARAN FI UNTUK PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN KONTRAK</u>
E	Petender akan menanggung Fi bagi penyediaan Dokumen Perjanjian Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.
F	Lain-lain tanggungjawab di dalam melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan penyelenggaraan mesin ini serta makluman kepada petender adalah seperti di Penentuan Perkhidmatan.
	<u>PERLINDUNGAN TAKAFUL / INSURANS</u>
G	Kontraktor hendaklah menyediakan Perlindungan Takaful/Insurans Tanggungan Awam sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 23 dalam Arahan Kepada Petender) ** Walau bagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insuran Nombor Kod Majikan di bawah Skim PERKESO dan / atau Polisi Pampasan Pekerja.
	<u>CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) BERDASARKAN AKTA CUKAI JUALAN 2018 [AKTA 806] DAN AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 [AKTA 807]</u>
H	Semua tawaran harga secara Sebut Harga yang dikemukakan oleh Petender hendaklah tanpa kenaan CJCP.
I	Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran CJCP kepada pihak Majlis sekiranya mengenakan caj CJCP kepada pihak Majlis.
J	Sekiranya Petender yang berjaya adalah berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), pihak Majlis akan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada Petender yang berjaya dengan tawaran harga termasuk kenaan CJCP
K	Bagi Petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta CJCP, namun akan menjadi syarikat berdaftar CJCP setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka pihak Petender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak Majlis berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta CJCP. Pelarasan harga kenaan CJCP tersebut akan dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa (P.P)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

JADUAL KADAR HARGA

JADUAL KADAR HARGA

PERKHIDMATAN SEMBURAN LARVASIDING (LVD) DAN SEMBURAN RUANG TERMAL (SRT) UNTUK PENCEGAHAN DAN KAWALAN DEMAM DENGGI DAN DEMAM DENGGI BERDARAH BAGI TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN DI KAWASAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP) 13 – 24, DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB.400-5/6/757

1. Jadual kadar harga ini merupakan sebahagian daripada kontrak dan hendaklah dibaca **bersama-sama spesifikasi / penentuan perkhidmatan.**
2. Kadar harga yang dipersetujui hendaklah digunakan sebagai asas pengiraan kos bagi apa-apa perubahan yang boleh diarahkan selaras dengan terma kontrak.
3. Semua kadar harga adalah termasuk kos pengangkutan (kakitangan, minyak dan tol), bahan kimia, **3 unit mesin semburan ruang thermal (SRT), 3 unit mesin *mistblower / spray can*** dan semua buruh dan caj lain dan semua yang lain diperlukan bagi penyiapan sempurna tiap-tiap perkara.

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
1.0	PENYEDIAAN TUNTUTAN BAYARAN INTERIM		
A	Menyediakan laporan bergambar secara bulanan (seperti yang ditetapkan oleh Pihak Majlis) bagi perkhidmatan yang dilaksanakan sepanjang tempoh kontrak bermasa (12 bulan). - 2 salinan setiap bulan (laporan bergambar perlu berwarna) - Gambar-gambar laporan perlu mempunyai tarikh dan masa (wajib) - Selama 12 bulan	BIL.	150.00

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
2.0	SEMBURAN LARVACIDING (MEMBUNUH JENTIK-JENTIK) MENGGUNAKAN MISTBLOWER / SPRAYCAN		
A	Menyediakan kenderaan pacuan 4 roda (termasuk minyak, tol dan penyelenggaraan) dan 4 orang pekerja (termasuk 1 penyelia) bagi setiap semburan kerja-kerja kawalan demam denggi (hari bekerja Isnin hingga Jumaat termasuk Sabtu, Ahad dan cuti umum) seperti yang ditetapkan oleh pihak Majlis (termasuk bahan kimia, mesin <i>mist blower / spraycan</i> dan penyelenggaraan) Satu lokaliti adalah untuk 200m radius daripada rumah kes	Per Lokaliti	450.00
3.0	SEMBURAN RUANG TERMAL (SRT) BAGI MEMBUNUH NYAMUK DEWASA		
B	Menyediakan kenderaan pacuan 4 roda (termasuk minyak, tol dan penyelenggaraan) dan 4 orang pekerja (termasuk 1 penyelia) bagi setiap semburan kerja-kerja kawalan demam denggi (hari bekerja Isnin hingga Jumaat termasuk Sabtu, Ahad dan cuti umum) seperti yang ditetapkan oleh pihak Majlis (termasuk bahan kimia, mesin jenis pikul / sandang dan penyelenggaraan) Satu lokaliti adalah untuk 200m radius daripada rumah kes	Per Lokaliti	575.00

Berdasarkan kepada kadar harga yang dinyatakan di dalam Jadual Kadar Harga pihak saya/kami telah bersetuju dengan kadar tawaran diskaun sebanyak*%
(dengan perkataan :)
.....)
kepada pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya (di bawa ke Borang Sebut Harga).



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

SPESIFIKASI / PENENTUAN PERKHIDMATAN

SPESIFIKASI / PENENTUAN PERKHIDMATAN

KEPERLUAN KHUSUS

I. Skop Perkhidmatan :

BIL	SKOP PERKHIDMATAN
1.0	Melaksanakan perkhidmatan semburan larvasiding untuk membunuh jentik-jentik
	1.1 Perkhidmatan semburan larvasiding dilakukan dalam kawasan 200 meter radius bagi setiap lokaliti kawalan 1.2 Kerja-kerja menggunakan mesin <i>mistblower /spraycan</i> mengikut yang ditetapkan pihak Majlis. 1.3 Bahan kimia yang digunakan bagi kerja-kerja larvasiding hendaklah dibancuh mengikut nisbah yang telah ditetapkan pihak Majlis. 1.4 Kerja-kerja larvasiding hendaklah diisi di dalam borang laporan kawalan denggi dan hendaklah diserahkan kepada pihak Majlis
2.0	Perkhidmatan semburan ruang termal (SRT) bagi membunuh nyamuk dewasa
	2.1 Perkhidmatan semburan dilakukan dalam kawasan 200 meter radius bagi setiap lokaliti kawalan mengikut yang ditetapkan pihak Majlis dari semasa ke semasa. 2.2 Kerja-kerja semburan menggunakan mesin pikul/sandang seperti yang ditetapkan oleh pihak majlis. 2.3 Bahan kimia yang digunakan bagi kerja-kerja semburan ruang termal hendaklah dibancuh mengikut nisbah yang telah ditetapkan pihak Majlis. 2.4 Kerja-kerja semburan ruang termal hendaklah diisi di dalam borang laporan kawalan denggi dan hendaklah diserahkan kepada pihak Majlis.

BIL	SKOP PERKHIDMATAN
3.0	Setiap pekerja yang perlu mengenakan kelengkapan perlindungan diri yang lengkap (PPE)
	3.1 Setiap pekerja yang menjalankan kerja-kerja kawalan dan pencegahan demam denggi perlu mengenakan kelengkapan perlindungan diri yang lengkap (PPE) seperti yang ada digaris panduan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia. 3.2 Penyelia adalah bertanggungjawab memastikan pekerja memakai kelengkapan PPE sewaktu menjalankan kerja-kerja pengasapan dan semburan larvasiding 3.3 Penyelia hendaklah melakukan <i>roll-call</i> dan memeriksa kelengkapan PPE sebelum tugas dijalankan. PPE yang perlu digunakan adalah seperti berikut : • Baju berlengan panjang dan seluar panjang • <i>Respirator</i> • Pelindung telinga • Cermin mata keselamatan • Sarung tangan • Kasut keselamatan
4.0	Setiap pekerja WAJIB memakai pengenalan diri sepanjang menjalankan tugas. Penyelia perlu memastikan pekerja cukup pagi setiap tugas dan menjalankan ' <i>roll call</i> ' sebelum tugas dilakukan.
5.0	Pemandu kenderaan mempunyai lesen memandu yang sah. Pekerja perlu warganegara Malaysia dan berumur daripada 18 tahun hingga 55 tahun.
6.0	Penyelia hendaklah mengisi laporan kawalan denggi
	6.1 Penyelia hendaklah mengisi dan melaporkan kerja-kerja larvasiding membunuh jentik-jentik yang dijalankan. 6.2 Penyelia hendaklah mengisi dan menyerahkan borang kerja-kerja semburan ruang termal yang dijalankan.

BIL	SKOP PERKHIDMATAN
7.0	Pihak Syarikat hendaklah menyediakan laporan kerja berwarna sebanyak 2 salinan. Setiap tuntutan bayaran mesti disertakan dengan kerja bergambar yang mempunyai tarikh dan masa gambar diambil.
	7.1 Tuntutan bayaran adalah untuk semua kerja-kerja larvasiding (membunuh jentik-jentik) dan kerja-kerja semburan ruang termal (SRT) bagi membunuh nyamuk dewasa yang telah dijalankan sahaja.
8.0	Pihak syarikat hendaklah menyediakan kenderaan jenis 'pickup'/pacuan 4 roda bagi kerja-kerja yang dijalankan
	8.1 Pihak syarikat perlu menyediakan kenderaan bagi membawa pekerja ke lapangan seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. 8.2 Kos perjalanan dan bahan api bagi kenderaan adalah di bawah tanggungan pihak syarikat. 8.3 Mesin bagi tujuan semburan larvasiding dan semburan ruang termal dibawa oleh kenderaan yang disediakan oleh pihak syarikat ke lapangan. 8.4 Kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan adalah ditanggung oleh pihak syarikat.
9.0	Mesin bagi tujuan semburan larvasiding dan semburan ruang termal hendaklah disediakan oleh pihak syarikat.
	9.1 Mesin yang digunakan bagi tujuan larvasiding adalah mesin <i>mistblower</i> atau <i>spraycan</i>. 9.2 Mesin yang digunakan bagi tujuan semburan ruang termal (SRT) adalah mesin jenis pikul / sandang. 9.3 Penyelenggaraan mesin-mesin semburan semburan adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat.

BIL	SKOP PERKHIDMATAN
10.0	Bahan kimia bagi tujuan kawalan dan pencegahan demam denggi
	10.1 Pihak syarikat perlulah menyediakan bahan kimia dari kumpulan <i>organophosphate</i>, <i>synthetic pyrethroid</i> dan BTI bagi tujuan semburan kawalan dan pencegahan demam denggi mengikut yang ditetapkan oleh pihak Majlis dari semasa ke semasa. 10.2 Bancuhan bahan kimia adalah dilakukan oleh pihak syarikat mengikut kepada nisbah bancuhan yang ditetapkan oleh pihak Majlis seperti di Lampiran 1. 10.3 Bancuhan bahan kimia perlu dibancuh di Stor Utama, Jabatan Kesihatan, Pejabat Cawangan dan Operasi MBSJ, Jalan TP 2, Taman Perindustrian UEP, 47600 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan dengan diselia dan disahkan oleh kakitangan Majlis. 10.4 Kos pembelian dan bancuhan bahan kimia ini adalah ditanggung oleh pihak Syarikat. 10.5 Pihak Majlis boleh menetapkan untuk mengubah bahan kimia yang digunakan bagi tujuan kawalan dan pencegahan demam denggi ini pada bila-bila masa bagi tujuan mengelakkan kerintangan nyamuk Aedes kepada bahan kimia yang digunakan.
11.0	Jadual waktu semburan dari jam 5.00 pagi hingga 8.00 malam dan bergantung pada arahan kerja yang ditetapkan oleh pihak Majlis dari masa ke semasa
12.0	Pihak Majlis berhak mengarahkan lokasi kerja adalah keseluruhan kawasan berkeutamaan di MPP 13 – 24, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan dan lokaliti-lokaliti yang ditentukan mengikut arahan dari semasa ke semasa.

*NISBAH BANCUIHAN BAHAN KIMIA

BAHAN KIMIA	CARA SEMBURAN	KADAR NISBAH BANCUIHAN
<i>Vectobac WG</i>	LVD 1 caj / 200 m radius	125 g + 10 L air
<i>Lavermate</i>	LVD 1 caj / 200 m radius	12.5 ml + 10 L air
	SRT 1 caj / 200 m radius	400 ml + 10 L air
<i>Actellic®</i>	SRT 1 caj / 200 m radius	160 ml + 4 L air / diesel
<i>Sumithion L-40</i>	SRT 1 caj / 200 m radius	50 ml + 950 ml air / diesel [1L] 200 ml [4 L]
<i>Sumithion 50 EC</i>	SRT 1 caj / 200 m radius	80 ml + 920 ml diesel / air [1L] 320 ml [4L]
<i>Pesguard</i>	SRT 1 caj / 200 m radius	13 ml + 1L air
<i>SumiPro EW</i>	SRT 1 caj / 200 m radius	100 ml + 10 L air
<i>Moskilla</i>	SRT 1 caj / 200 m radius	5 ml + 1 L air / diesel
<i>Abate 500E</i>	LVD 1 caj / 200 m radius	15 ml + 10 L air
<i>Gokilahts 5EC</i>	SRT 1 caj / 200 m radius	21 ml + 979 ml air / diesel [1 L] 70 ml + 4 L air / diesel

*Petender hendaklah mematuhi nisbah bancuihan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.

*Pihak Majlis berhak mengubah bahan kimia yang digunakan bagi tujuan kawalan dan pencegahan demam denggi ini pada bila-bila masa.

LAMPIRAN (Senarai lokaliti MPP 13 – MPP 24)

MPP ZON	KAWASAN MPP	MPP ZON	KAWASAN MPP
13	- TAMAN PUCHONG INTAN - TAMAN PUCHONG INDAH - TAMAN PUCHONG PERDANA	14	- TAMAN PUCHONG PERMAI - TAMAN DESA MILLENIA - TAMAN PUCHONG PRIMA - TAMAN TASIK PRIMA - TAMAN PUCHONG TEKALI - TAMAN PINGGIRAN PRIMA
15	- TAMAN PERINDUSTRIAN PUCHONG UTAMA - TAMAN PERINDUSTRIAN PUCHONG UTAMA SEKSYEN 1 DAN 2 - TAMAN PUCHONG UTAMA	16	- TAMAN MUTIARA PUCHONG - LAKE EDGE - PUSAT BANDAR PUCHONG - PUCHONG BATU 12 - BANDAR PUTERI
17	- TAMAN INDUSTRI PUSAT BANDAR PUCHONG - PKNS PUCHONG BATU 13 ½ - TAMAN PUCHONG HARTAMAS - PUCHONG BATU 14 - KAMPUNG BARU PUCHONG - BANDAR PUCHONG UTAMA - BANDAR BUKIT PUCHONG - TAMAN SAUJANA PUCHONG - TAMAN MUTIARA INDAH - TAMAN PUCHONG IMPIAN	18	- BANDAR KINRARA - KEM TENTERA KINRARA - TAMAN PUNCAK JALIL - TAMAN DAMAI UTAMA

MPP ZON	KAWASAN MPP	MPP ZON	KAWASAN MPP
19	- TAMAN LESTARI PUTRA - PUSAT PERNIAGAAN SURIA PUCHONG - TAMAN DESAMINIUM - KOTA PERDANA - PUSAT BANDAR PUTRA PERMAI - TAMAN DATO DEMANG - TAMAN PINGGIRAN PUTRA - TAMAN EQUINE - TAMAN LESTARI PERDANA - BANDAR PUCHONG SOUTH - HUTAN SIMPAN AYER HITAM - PUSAT PERNIAGAAN D'ALPINIA - PUSAT PERNIAGAAN THE ATMOSPHERE - TAMAN PERTANIAN UPM	20	- TAMAN SERDANG JAYA - TAMAN PERINDUSTRIAN SERDANG - TAMAN SRI SERDANG - UPM
21	- TAMAN BUKIT SERDANG SEKSYEN 1 – 3 - TAMAN SERDANG HEIGHTS (SUNGAI KUYOH) SEKSYEN 1 – 7 - TAMAN UNIVERSITI INDAH - PUSAT PERDAGANGAN SERI KEMBANGAN	22	- KAMPUNG BARU SERI KEMBANGAN - TAMAN JINMA - TAMAN BUKIT SERDANG SEKSYEN 4 – 11 - TAMAN PERINDUSTRIAN SEKSYEN 14 - TAMAN TEKNOLOGI MALAYSIA - TAMAN PERINDUSTRIAN BUKIT SERDANG
23	- TAMAN SERDANG RAYA - TAMAN SERDANG PERDANA SEKSYEN 1 – 6 - TAMAN MUHIBBAH	24	- TAMAN SUNGAI BESI INDAH - TAMAN BELIMBING INDAH - TAMAN SERDANG LAMA - THE MINES SOUTHEN LAKE - THE MINES RESORT CITY



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

TERMA BAYARAN

TERMA BAYARAN

BIL	BUTIRAN	PEMATUHAN
1.	Inbois yang telah ditandatangani	Wajib
2.	Dua salinan Surat Pemberitahuan Penerimaan Sebut harga / Tender	Wajib
3.	Dua salinan Surat Setuju terima Sebut harga / Tender	Wajib
4.	Surat Akuan Siap Kerja yang telah ditandatangani oleh Pengarah Syarikat	Wajib
5.	Mengemukakan Laporan Bulanan beserta gambar-gambar lokasi kawalan (Sila Rujuk Spesifikasi / Penentuan Perkhidmatan Skop Perkhidmatan Bil 7.0)	Wajib
6.	Salinan Dokumen Perjanjian Kontrak	Wajib
7.	MBSJ berhak membuat pemotongan bayaran bulanan sekiranya terdapat sebarang pelanggaran syarat / penemuan kesalahan seperti yang telah dinyatakan dalam Skop Perkhidmatan dan Kadar Denda	Setuju
8.	Setiap tuntutan bayaran bulanan semasa perlu dihantar pada/sebelum 10 haribulan pada setiap bulan berikutnya	Wajib



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN L

KADAR DENDA / PENALTI

KADAR DENDA BAGI PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT ARAHAN

Kadar Denda Lewat Perkhidmatan:

Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada kerajaan (merujuk pekeliling PK 4.2 m/s 21) dengan menggunakan formula berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$

Jadual Kadar Denda

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	KADAR POTONGAN
1.	Bilangan kenderaan dan peralatan untuk kaedah kawalan yang dinyatakan dalam sebutharga ini, hendaklah bilangan sebenar yang akan diadakan bagi melaksanakan semua kerja-kerja di bawah kontrak ini.	Kegagalan menyediakan bilangan sebenar kenderaan dan peralatan untuk kaedah kawalan dalam jumlah yang mencukupi akan dikenakan denda ganti rosak minimum sebanyak RM50.00 bagi setiap satu perkara berkaitan untuk satu episod kerja.
2.	Bilangan pekerja yang dinyatakan dalam sebutharga ini hendaklah bilangan sebenar yang akan diadakan bagi melaksanakan semua kerja di bawah kontrak ini.	Kegagalan mengadakan bilangan sebenar pekerja tersebut akan dikenakan denda ganti rosak minimum RM50.00 bagi setiap orang pekerja yang kurang untuk satu episod kerja.
3.	Kontraktor hendaklah menyediakan kelengkapan perlindungan diri yang lengkap dan bersesuaian bagi setiap pekerjaannya seperti yang telah disyaratkan dan peralatan perlindungan diri hendaklah dipakai tiap-tiap hari semasa bekerja oleh pekerja-pekerja.	Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut akan dikenakan denda ganti rosak minimum RM 100.00 bagi satu episod kerja.

4.	Kontraktor hendaklah menjalankan kerja-kerja semburan larvasiding (LVD), semburan ruang termal (SRT) dan ultra low volume-semburan misting (ULV) merujuk kepada lokasi, masa dan hari bekerja yang telah dijadualkan. Kontraktor juga tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh pihak Majlis.	Kegagalan untuk mematuhi arahan-arahan ini akan dikenakan denda ganti rosak RM 100.00 bagi setiap satu episod kerja.
5.	Pihak syarikat perlulah menyediakan bahan kimia dari kumpulan <i>organophosphate</i>, <i>synthetic</i> pyrethroid dan BTI bagi tujuan semburan kawalan dan pencegahan demam denggi mengikut yang ditetapkan oleh pihak Majlis dari semasa ke semasa. Bancuhan bahan kimia adalah dilakukan oleh pihak syarikat mengikut kepada nisbah bancuhan yang ditetapkan oleh pihak Majlis dan bancuhan bahan kimia perlu dibancuh di Stor Utama, Jabatan Kesihatan dengan diselia oleh kakitangan Majlis.	Kegagalan untuk mematuhi arahan-arahan ini akan dikenakan denda ganti rosak RM 100.00 bagi setiap satu episod kerja.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN M

MAKLUMAT PETENDER